

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN NO. 136**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan intipati utama perjanjian yang telah dimeterai antara Kerajaan dan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Bhd dalam melaksanakan projek MySalam.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang saham asing Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad telah memilih untuk memberi sumbangan kepada skim MySalam sebagai penyelesaian alternatif kepada komitmen mereka bagi mengurangkan pegangan saham mereka kepada tahap tidak melebihi 70%. Pemegang saham asing lain bagi syarikat insurans dan pengendali takaful yang perlu mematuhi syarat pelupusan saham asing juga diberi pilihan yang sama.

2. Semua syarikat insurans dan pengendali takaful di Malaysia dialu-alukan untuk menyertai skim ini selaras dengan inisiatif untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporat dan menyokong matlamat pembangunan negara.

3. Syarikat insurans dan pengendali takaful yang menyertai skim ini, termasuk Great Eastern Takaful Berhad, dikehendaki mematuhi beberapa prinsip berikut:

- i. Kecekapan kos: Perlindungan tersebut akan diunderait dan diuruskan pada harga kos, di mana keuntungan akan dikembalikan semula kepada skim ini;
- ii. Perkhidmatan dan jangkauan yang berkesan: Tahap standard perkhidmatan perlu dikekalkan dan usaha meningkatkan kesedaran yang memuaskan perlu dilaksanakan untuk penerima skim ini; dan

**SOALAN NO : 136**

- iii. Pengurusan data skim: Segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan dan kerahsiaan data, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (*Personal Data Protection Act 2010*) perlu dipatuhi

Sekian, terima kasih.